

# Razaleigh perlu soal kejujuran diri sendiri

**KUALA TERENGGANU.** Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, Presiden Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah berhak membuat sebarang penafian, termasuk ucapan yang pernah dibuatnya sendiri untuk 'membunuh' Pas dan DAP.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, Tengku Razaleigh perlu menyoal dirinya sendiri sama ada benar atau tidak beliau mengucapkan perkara itu dalam satu mesyuarat Semangat 46 di kediamannya di Kuala Lumpur.

"Saya nak tanya dia kata atax tidak dalam mesyuarat 46 kepada lebih 200 ahli di rumahnya di Kuala Lumpur bahawa 'merek tidak harus khuatir kerana bila kita kuat, kita boleh bunuh, maaf kerana saya guna perkataan bunuh. Pas dan DAP'." kata Datuk Seri Dr Ma-

hathir.

Menjawab soalan pemberita selepas merasmikan Seminar Penjaja dan Peniaga Kecil Terengganu di sini hari ini, Presiden Umno berkata, beliau mahu Tengku Razaleigh membuat jawapan pada dirinya sendiri, bukan untuk orang lain "kerana selain kita, Tuhan juga mengetahui".

Mengenai penafian Tengku Razaleigh bahawa beliau dipilih sebagai Naib Presiden Umno pada 1972 bukan kerana bantuan Datuk Seri Dr Mahathir, Perdana Menteri berkata:

"Dia tentulah nafi. Tetapi hakikatnya saya ialah ahli Majlis Tertinggi yang mendapat undi terbanyak ketika itu. Saya yang membuat cadangan supaya dia dilantik menjadi Naib Presiden Umno. Dia mahu menafikan itu, saya tidak upayalah."

Tengku Razaleigh se-

waktu berceramah di Palm Manor, Kota Bharu dilaporkan berkata, perlantikannya sebagai Naib Presiden Umno ketika itu disebabkan Tun Abdul Razak Hussein mahu beliau menggantikan tempat Tun Hussein Onn yang menjadi Timbalan Presiden.

Kepada satu soalan lain, Perdana Menteri berkata, Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri (SPN) Kelantan tidak pernah membuat laporan mengenai tindakan sesetengah pegawai daerah yang menggunakan kedudukannya mengkritik kerajaan.

"Kalau benar ini berlaku apakah SPN tidak berasa mereka harus mengambil tindakan. Memang di segi jawatan, pegawai daerah diletak di bawah SPN dengan harapan suruhanjaya itu bebas dan dapat menjalankan tugas dengan cukup baik mengikut semua dasar dan peraturan.